

Pemuliharaan penyu amat diperlukan sekarang: UMS

DE 14.5.2014 7

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata pemuliharaan penyu, iaitu satu ikon Sabah, amat diperlukan sekarang, dan berharap semua pihak dapat bekerjasama untuk memulihara sumber asli yang berharga itu.

Berkata demikian dalam satu kenyataan pada Isnin, universiti tersebut mengatakan ia memulakan penyelidikan ke atas penyu di Sabah pada 1998 dan projek terbaru adalah perayaan 'Hari Penyu Mabul 2013 (22-24 Mei tahun lepas), yang dianjurkan bersama dengan beberapa agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan serta sektor swasta, untuk mewujudkan kesedaran tentang penyu yang menghuni di Pulau Mabul.

Acara itu, dirasmikan oleh

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Datuk Seri Masidi Manjun (diwakili oleh Datuk Pang Yuk Ming) juga bertujuan mendidik penduduk tempatan dan pelawat ke Pulau Mabul mengenai kepentingan penyu yang mendiami terumbu di situ.

Sepanjang acara itu, UMS mengatakan, sebanyak 44 penyu hijau dan penyu karah ditangkah. Sejak itu, 207 penyu hijau dan 21 penyu karah dipasang teg di Pulau Mabul semenjak penyelidikan di Mabul bermula pada Ogos 2010.

UMS kini merupakan penganjur bersama kepada satu acara susulan dalam bentuk Bengkel Pemuliharaan Penyu di Pulau Mabul pada 14 Mei tahun ini, sempena perayaan 'Hari

Penyu Sedunia Mabul 2014' (12-15 Mei).

Ia dianjurkan dengan kerjasama agensi kerajaan Negeri dan Persekutuan, NGO dan sektor swasta, kata universiti, menambah bengkel itu ditujukan kepada penduduk di Mabul termasuk pelajar sekolah rendah di pulau itu serta kakitangan pusat peranginan dan tetamu.

Diharapkan bengkel itu akan meningkatkan penghargaan terhadap haiwan marin ini, ekoran laporan baru-baru ini tentang kematian 60 penyu di Pulau Tiga dekat Kudat, dan dalam lingkungan Taman Tun Mustapha yang dicadangkan, di samping empat bangkai penyu yang ditemui di Semporna dan dua lagi bangkai penyu dekat Labuan.